

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE [ KOTA TINGGI ]**

**SOALAN NO. 153**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan kerjasama strategik antara Kementerian dan TEKUN bagi membantu golongan muda menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

TEKUN Nasional (TEKUN) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) amat prihatin dan memberikan perhatian serius terhadap kesejahteraan usahawan muda dalam mengharungi cabaran ekonomi masa kini. TEKUN menyediakan program pembiayaan khusus kepada usahawan muda seperti berikut:

i. **Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS)**

TEKUN menyediakan program pembiayaan untuk membantu usahawan muda yang terdiri daripada:

- a) siswazah yang telah menamatkan pengajian dan masih belum mempunyai pekerjaan; dan
- b) siswazah yang bekerja tetapi berminat untuk memulakan perniagaan dan kekurangan modal.

Sehingga Mei 2019, TEKUN telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM29,193,000 kepada 1,433 orang usahawan graduan di bawah program PPUS.

ii. **Program Agropreneur Muda (PAM)**

Di bawah program ini, TEKUN memberi peluang kepada golongan usahawan muda iaitu usahawan di bawah umur 40 tahun yang berminat mengusahakan aktiviti-aktiviti pertanian. Sehingga Mei 2019, TEKUN telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM17,013,932 kepada 459 orang usahawan di bawah program PAM ini.

iii. **Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)**

Program ini menyasarkan penglibatan golongan muda melalui galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi. Menerusi program ini, usahawan baru dijangka menjana pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggiatkan penglibatan mereka dalam bidang pengeluaran tanaman makanan secara komersil.

iv. **Program Kemahiran Seni Ukiran Kayu**

TEKUN juga menyediakan program untuk membantu belia berkemahiran dalam bidang ukiran kayu dari Institut Kraf Negara untuk memulakan perniagaan. Program Kemahiran Seni Ukiran Kayu akan dilaksanakan oleh syarikat *anchor* dan akan dibiayai oleh TEKUN secara pinjaman.

MED akan terus memantau keberkesanan program-program di atas disamping menambahbaik kaedah pemantauan usahawan oleh TEKUN. Antara penambahbaikan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh TEKUN adalah seperti berikut :

- i. melaksanakan lawatan dan perbincangan bagi penjadualan semula bayaran balik pembiayaan kepada usahawan yang berkelayakan;
- ii. mempertingkatkan promosi penggunaan saluran pembayaran balik (Payment Channel) yang pelbagai seperti mobile app (TEKUN Pay) , perbankan internet, pembayaran melalui Cash Deposit Machine (CDM) dan kaunter bank;
- iii. melaksanakan lawatan premis dan semakan penggunaan modal perniagaan ke atas usahawan;
- iv. melaksanakan pemantauan berterusan dan mengadakan lawatan ke premis peminjam bermasalah melalui operasi pemulihan bagi perbincangan pembayaran;
- v. melaksanakan program pembangunan usahawan yang meliputi khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan peningkatan kapasiti, pengeluaran produk, pembungkusan dan pelabelan, promosi dan akses pasaran; dan
- vi. melaksanakan Kursus Asas Keusahawanan secara berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pembangunan usahawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

**SOALAN NO. 154**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [ KOTA TINGGI ]**  
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar obesiti dalam  
negara pada ketika ini dan apakah mekanisme bagi memastikan  
kadar obesiti berkenaan berada pada tahap terkawal dan sihat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Berdasarkan hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS 2015), prevalen obesiti di kalangan orang dewasa berusia 18 tahun ke atas di Malaysia adalah 17.7%, meningkat empat (4) kali ganda berbanding tahun 1996 iaitu pada kadar 4.4% (NHMS 1996).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempunyai mekanisme dan strategi yang menyeluruh bagi memastikan kadar obesiti berada pada tahap terkawal melalui tiga (3) pelan tindakan jangka masa panjang yang telah dibangunkan iaitu Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (2016-2025), NPANM III, Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2015) dan Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025). Ketiga-tiga pelan ini menggunakan pendekatan multisektoral melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan ke arah usaha mengawal masalah obesiti melalui program advokasi dan intervensi pemakanan sihat dan cara hidup yang lebih aktif.

KKM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Obesiti bagi membincang serta mencadangkan tindakan yang perlu bagi menangani masalah obesiti di Malaysia. Fokus utama Jawatankuasa ini ialah untuk melaksanakan polisi yang mampu memberi impak tinggi kepada kumpulan sasaran untuk mengawal dan mencegah yang seterusnya dapat menurunkan prevalen obesiti di Malaysia.

Sebanyak 48 polisi menangani masalah obesiti di Malaysia telah digariskan melalui cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dan polisi ini akan dilaksanakan dalam masa 10 tahun (2016-2025). Antara polisi yang sedang dilaksanakan adalah mewajibkan program pengurusan berat badan di Kementerian atau jabatan yang terpilih, mengenakan cukai eksais ke atas minuman manis bergula, menguatkuasakan larangan mengiklan makanan dan

**NO SOALAN : 154**

minuman yang tinggi kandungan lemak, garam dan gula yang boleh menarik perhatian kanak-kanak dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.